



24 OCT, 2024

Sita rokok bernilai RM2.1 juta

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Sita rokok bernilai RM2.1 juta

JKDM jalankan
siasatan sekiranya
kes ada kaitan antara
satu sama lain

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN

Pelbagai jenis rokok dan jenama minuman keras tidak bercukai dianggarkan bernilai RM2.6 juta disita dalam dua serbuan berasingan di Lukut, Negeri Sembilan, bulan lalu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd Asri Seman berkata, serbuan pertama dilakukan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Stesen Kuantan di Taman Perindustrian Perdana, Bukit Palong, kira-kira jam 8 pagi pada 28 September lalu.

“Hasil pemeriksaan menemukan 3,156,691 batang rokok pelbagai jenis bernilai RM286,118 manakala jumlah cukai dan duti dianggarkan berjumlah RM2.11 juta.

“Pengimportan rokok memerlukan lesen import dan sistem cukai diluluskan Ketua Pengarah Kastam mengikut Peraturan 42(1) Peraturan Kastam 2019,” katanya ketika sidang akhbar di Wisma Kastam di sini pada Rabu.

Mohd Asri berkata, serbuan kedua dilakukan di sebuah gudang pemprosesan, pengilangan dan penyimpanan minuman keras disyaki tanpa lesen di taman perindustrian sama kira-kira jam 2 petang, hari sama.

Katanya, pemeriksaan menemukan 3,928 liter minuman keras pelbagai jenama disyaki tidak bercukai berjumlah RM65,538 manakala jumlah cukai serta duti dianggarkan sebanyak RM227,597.



Mohd Asri (tengah) melihat alatan menyuling minuman keras dirampas selepas sidang akhbar di Wisma Kastam, Kuantan pada Rabu.

“Siasatan awal mendapati, gudang berkenaan tidak dilesenkan untuk menyuling, menapai atau mengilang bahan memabukkan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 20(1) Akta Eksais 1976,” ujarnya.

Beliau berkata, kedua-dua

kes menggunakan modus operandi menyimpan dan mengilang di premis atau gudang tanpa cukai.

Jelasnya, tiada tangkapan ketika serbuan dilakukan dan pihaknya masih menyiasat sama ada kedua-dua kes ini mempunyai kaitan antara satu sama lain atau sebaliknya.

POH
PALEH
MEHI



24 OCT, 2024

Sita rokok bernilai RM2.1 juta

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

JKDM jalankan siasatan sekiranya kes ada kaitan antara satu sama lain

Pelbagai jenis rokok dan jenama minuman keras tidak bercukai dianggarkan bernilai RM2.6 juta disita dalam dua serbuan berasingan di Lukut, Negeri Sembilan, bulan lalu.Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd Asri Seman berkata, serbuan pertama dilakukan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Stesen Kuantan di Taman Perindustrian Perdana, Bukit Palong, kira-kira jam 8 pagi pada 28 September lalu.